



**TARBIYAH PENGASAS SIRI 30  
30 MAC 2021**

**ANTARA NIKMAT & RAHMAT**

**Prof Dr Muhammad Syukri Salleh**  
*Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)*  
*Universiti Sains Malaysia*

# ANTARA NIKMAT DAN RAHMAT

- Nikmat & Rahmat adalah dua perkara yang sangat penting dalam hidup manusia.
- Kedua-duanya adalah anugerah Allah.
- **Soalan 1:** Antara nikmat dan rahmat, yang mana keutamaan pilihan?
- **Soalan 2:** ISDEV sebagaimana perjuangan pula nak pilih yang mana, nikmat atau rahmat?
- Untuk jawab, kena faham apa dia nikmat dan rahmat.

# NIKMAT

---

- ❑ **Erti Nikmat:** Semua bentuk kesenangan, kemudahan, dan keselesaan yang menggembirakan yang dikurniakan oleh Allah kepada seseorang.
- ❑ Nikmat Allah **tidak terhitung** (an-Nahl, 18). Tersangat banyak nikmat hingga Allah bertanya **31 kali** dalam surah Ar-Rahman: “Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah yang kamu dustakan?”
- ❑ Ada nikmat yang **dikurniakan setelah diuji** dengan penderitaan eg pengalaman ISDEV, dan surah Al-Insyirah 94:5-6:

فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا  
إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا

Karena sesungguhnya **sesudah kesulitan itu ada kemudahan,**  
Sesungguhnya **sesudah kesulitan itu ada kemudahan**

# RAHMAT


---

- ❑ **Erti rahmat:** Belas kasihan, kurniaan Allah, kebaikan Allah, nikmat Allah, hadiah Allah
- ❑ Allah mempunyai **rahmat yang luas** (al-Anam, 147). Rahmat di dunia hanya **satu bahagian** daripada 100 bahagian rahmat sahaja (Hadith: 'Diriwayatkan daripada **Abu Hurairah r.a.** katanya: Aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: Allah s.w.t. menjadikan rahmat sebanyak **seratus bahagian**. Dari satu bahagian inilah seluruh makhluk saling kasih mengasihi antara satu sama lain sehinggakan binatang mengangkat kaki dari anaknya takut terpijak atau menyakiti anaknya').
- ❑ Dalam al-Quran disebut **124 kali** yang membawa maksud sifat-sifat mengasihani, memberkati, menganugerahi
- ❑ Antara **bentuk rahmat** dalam al-Qur'an: Malam & siang untuk berehat dan mencari kurnia, dan bersyukur (al-Qasas, 73), mengumpul dan melipatkan jumlah keluarga (al-Saad, 43), dan apa-apa yang memudah dan menggembirakan.

# RAHMAT

---


- ❑ **Bentuk rahmat lain:** Terlepas kapal terbang/bas, tapi kapal terbang/bas tersebut kemalangan; terlepas tandatangan petition, tapi kesan petition tersebut memudharatkan ie tidak diberi Allah apa yang dimahu dan difikir baik, untuk Allah dikurniakan dengan yang lebih baik.
- ❑ Rahmat Allah juga adalah **kunci masuk syurga** [bukan disebabkan kerana pahala-pahala yang dikumpulkan]. Ada Hadith **Riwayat Imam al-Hakim daripada Jabir bin Abdullah r.a.** menceritakan tentang seorang hamba Allah yang bertapa di sebuah **pulau kecil**, sembahyang selama **500 tahun** tetapi sembahyangnya tidak membawanya ke syurga; dia **dimasukkan ke syurga kerana rahmat Allah**.



# BEZA ANTARA NIKMAT DAN RAHMAT


Setiap nikmat **dihisab**: "Sungguh kamu pasti akan ditanya pada hari itu akan nikmat yang kamu peroleh saat ini" (**At Takatsur: 8**)

Setiap rahmat tidak **dihisab**: Misalnya terselamat daripada kemalangan kapal terbang/bas setelah terlepas kenderaan tersebut; terselamat daripada mudharat setelah terlupa tandatangan petition; Pembuat roti terjumpa Abu Hanifah sebagaimana sentiasa didoakannya setelah Abu Hanifah tidak dibenarkan tidur di masjid, dll.



# PILIHAN ANTARA NIKMAT DAN RAHMAT


- ❑ **Pilihan** diri dan ISDEV, tentulah rahmat Allah, bukan hanya nikmat Allah.
- ❑ **Cara mendapat rahmat:**
  - ❑ **Taat kepada Allah & Rasul** (Ali-Imran 3:132: Dan taatilah Allah dan Rasul supaya kamu diberi rahmat [وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ])
  - ❑ Satu lagi, ISDEV kena jadi **Jemaah kebenaran**, yakni menegakkan rukun iman dan rukun Islam.
  - ❑ **21 sifat jemaah kebenaran:**
    1. Di antara anggota jemaah hidupnya macam **satu keluarga** daripada satu ibu dan satu bapa
    2. **Kasih sayang** sesama anggota sangat ketara
    3. Anggota **rasa bersama dan bekerjasama**
    4. **Tidak ada hasad dengki** sesama anggota.
    5. **Bela membela** sesama anggota
    6. **Maaf bermaafan** sesama anggota menjadi budaya



## PILIHAN ANTARA NIKMAT DAN RAHMAT

7. **Tidak berlaku bersakit hati dan dendam berdendam** dalam kalangan anggota
8. **Ziarah menziarahi** sesama anggota, perkara biasa
9. **Nasihat menasihati** amalan anggota
10. Yang kaya **membela**, yang miskin **dibela**
11. Anak- anak yang ibu bapanya tidak mampu **diberi pertolongan**, umpamanya biasiswa
12. Anggota yang **tidak ada rumah** difikirkan atau diusahakan bersama.
13. Pemimpinnya **adil dan memberi kasih sayang** macam ibu bapa kepada anak- anaknya
14. Kalau ada **masalah atau masalah keluarga**, jemaahlah yang menyelesaikannya
15. Kalau ada anggota jemaah **yang patut berkahwin**, jemaahlah yang akan menjodohkannya





# PILIHAN ANTARA NIKMAT DAN RAHMAT

16. Kalau ada pilihan sendiri mereka **merujuk kepada jemaahnya**
17. Kalau ada **perselisihan atau perbalahan** pemimpin jemaahlah yang menyelesaikannya
- 18. Bertawakal, berlemah lembut, bermesra** menjadi budaya
19. Anggota boleh hidup di dalam jemaah ertinya **jemaah boleh memberi kerja**
20. Kalau ada kenduri kendara, **bergotong royong** bersama
21. Anggota yang susah **tak jadi susah** kerana difikirkan penyelesaian bersama

**Jemaah kebenaran adalah lebih daripada satu institusi akademik.  
Di dalamnya ada nilai-nilai yang boleh membawa ke syurga.**



Terima Kasih